



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERANAN GURU DALAM INTERAKSI YANG SENSITIF DAN RESPONSIF TERHADAP KANAK-KANAK DI TADIKA

NUR AYUNI AHYA BT MOHD FISOL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERANAN GURU DALAM INTERAKSI YANG SENSITIF DAN RESPONSIF
TERHADAP KANAK-KANAK DI TADIKA

NUR AYUNI AHYA BT MOHD FISOL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KHUSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
سُلْطَانِ اِيْدِيْسُ اِيْدِيْسُ
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (+)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 20 (hari bulan) 9 (bulan) 2019

i. Perakuan pelajar :

Saya, NUR AYUNI AHYA BT MOHD FISOL, M20162002248, FPM (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PERANAN GURU DALAM INTERAKSI YANG SENSITIF & RESPONSIF TERHADAP KANAK-KANAK DI TADIKA

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF MADYA DR NORDIN B. MAMAT (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk

PERANAN GURU DALAM INTERAKSI YANG SENSITIF & RESPONSIF TERHADAP KANAK-KANAK DI TADIKA

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (PEND. AWAL KANAK-KANAK) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).


4/10/2019

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA DR. NORDIN MAMAT
Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris




**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PERANAN GURU DALAM INTERAKSI YANG SENSITIF & RESPONSIF TERHADAP KANAK-KANAK DI TADIKA

No. Matrik / Matric No.: M 20162002248

Saya / I: NUR AYUNIAHYA BT MOHD FISOL
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 4/10/2019

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF. MADYA DR. NORDIN MAMAT
Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekurang-kurangnya tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin memanjat kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas perkenan dan rahmat-Nya mengurniakan kesihatan yang berterusan kepada saya untuk menyiapkan kajian disertasi ini dengan baik. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan tidak terhingga kepada penyelia utama Profesor Madya Dr. Nordin Bin Mamat dan penyelia bersama, iaitu Dr. Nor Mashitah Mohd Radzi yang telah memberikan tunjuk ajar dan memudahkan perjalanan saya menyiapkan kajian disertasi ini sehingga selesai. Saya juga amat berterima kasih kepada staf-staf. Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak (NCDRC) dan juga Pusat Data Kanak-kanak Negara (NCDC) yang turut memberikan kerjasama oleh kerana kajian ini merupakan sebahagian daripada kajian “Kualiti Asuhan Dan Didikan Awal Kanak-Kanak di Malaysia” – Projek 3/TLA : “Faktor Kepentingan Kualiti Pendidikan Awal Kanak” (2015-0024-106-04-3) yang dibiayai oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Penghargaan tidak terhingga juga kepada kedua ibu bapa saya Encik Mohd Fisol bin Othman dan Puan Asiah Bt. Ishak yang telah banyak berkorban dan memberikan bantuan, sokongan serta dorongan yang jitu sepanjang pengajian Sarjana saya sehingga selesai. Tidak dilupakan kedua adik saya Nur Athirah Alyaa dan Muhammad Arif Fikry yang memahami dan membantu saya serta memberikan sokongan moral dalam usaha untuk menjadi contoh terbaik kepada mereka sebagai anak sulung di dalam keluarga. Tidak dilupakan juga, rakan-rakan seperjuangan yang bersama-sama memberikan sama-sama mengharungi onak dan duri kesusahan serta kesulitan dan saling membantu antara satu sama lain dalam mengharungi perjalanan Sarjana ini. Akhir kata, saya berdoa agar semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung ini dianugerahkan berkat rahmat dan turut dipermudahkan semua urusan mereka serta mendapat keberkatan dari Allah Taala dan semoga Allah sahaja yang membalas jasa baik kalian. Terima Kasih.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti peranan guru dalam interaksi yang sensitif dan responsif terhadap kanak-kanak di TADIKAswasta Negeri Kedah. Kajian ini juga meneliti perbezaan bentuk interaksi antara guru dengan kanak-kanak dan juga untuk mengkaji inisiatif aktiviti yang dilakukan oleh guru untuk menggalakkan kanak-kanak berinteraksi. Kajian gabungan digunakan dalam kajian ini. Kajian kualitatif melibatkan analisis tematik berdasarkan Miles dan Huberman. Sampel kajian seramai tiga orang peserta yang terdiri daripada guru tadika swasta. Kajian kuantitatif pula menggunakan kaedah kajian tinjauan yang terdiri daripada 63 orang peserta kajian juga terdiri daripada guru TADIKAswasta. Instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik yang terdiri daripada 25 item ini dibina berdasarkan dapatan tema daripada kajian temubual. Nilai kebolehpercayaan untuk instrumen kajian mendapati nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* yang tinggi ($\alpha=0.87$). Keputusan Ujian Kenormalan data soal selidik pada bacaan *skewness* (-0.24) dan *kurtosis* (-0.80) yang menunjukkan data bertaburan normal. Analisis deskriptif menerangkan frekuensi bentuk interaksi dan inisiatif yang dilakukan oleh guru, analisis inferensi melibatkan analisis ANOVA bagi menunjukkan perbezaan interaksi guru mengikut tahap pendidikan guru iaitu SPM, Diploma atau Ijazah. Analisis ANOVA menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan ($P=0.37>0.05$) antara tahap pendidikan guru dengan amalan interaksi guru di TADIKAswasta. Dapatan kajian temubual pula menunjukkan terdapat tema 'eye contact', 'morning talk', ekspresi muka, penggunaan bahasa mudah, sentuhan dan pujian. Dikukuhkan lagi dengan data kuantitatif iaitu kekerapan (f): penggunaan bahasa mudah ($f=57$), pujian ($f=56$) dan 'morning talk' ($f=51$). Tema aktiviti berkumpulan ($f=52$) dan pergerakan kreatif ($f=50$) pula merupakan dapatan dari inisiatif aktiviti guru jalankan bersama kanak-kanak. Kesimpulannya, amalan interaksi yang diamalkan oleh guru seperti penggunaan bahasa mudah, pujian, 'eye contact', sentuhan dan 'morning talk' dapat mewujudkan interaksi yang sensitif dan responsif terhadap kanak-kanak di tadika. Implikasi kajian menunjukkan peranan guru dalam pengamalan interaksi yang sensitif dan responsif oleh guru dapat mewujudkan pelbagai kaedah untuk menggalakkan kanak-kanak berinteraksi.





ROLES OF TEACHER IN SENSITIVE AND RESPONSIVE INTERACTIONS WITH CHILDREN IN THE KINDERGARTEN

ABSTRACT

This study aimed to examine the role of teacher in sensitive and responsive interactions with children at kindergartens in Kedah. It also examined the different forms of interaction between teacher and child as well as to review the initiatives to encourage children to interact. Mixed method is used in this study. The qualitative method involved thematic analysis by Miles dan Huberman. Three private kindergarten teachers of Kedah to be interviewed. The quantitative study utilised a survey study method consisting of 63 participants who were also private kindergarten teachers. The instrument used was a questionnaire consisting of 25 items constructed based on the themes extracted from the interviews. The Alpha Cronbach value for the research instrument found high reliability ($\alpha = 0.87$). Results of the Normality Test on skewness readings (-0.24), kurtosis (-0.80) showed normal scattered data. The descriptive analysis describes the frequency of interactions and initiatives undertaken by teachers to reinforce the findings of interviews. Inferential statistic used was ANOVA to determine the differences between interaction practices their level of teacher education : SPM, Diploma or Degree. ANOVA result showed there was no significant difference ($P = 0.37 > 0.05$) between the level of teacher education and the interaction practices in kindergarten. The interviews findings showed several themes that emerged for teachers' interaction namely eye contact, morning talk, face expression, easy language , touch and praise. Furthur reinforced with quantitative data showed the frequency of practices being implemented by teachers (f): simple language usage ($f=57$), praise ($f=56$) and morning talk ($f=51$). Two themes which are group activities ($f=52$) and creative movement ($f=50$) were findings extracted from the initiative of teacher activities with children. The study concluded the interaction practices practiced by teachers such as simple language, praise, eye contact, touch, dan morning talk were able to create sensitive and responsive interactions in kindergartens. The implications of the study showed that the role of teachers in the practice of sensitive and responsive interactions by teachers can create a variety of ways to encourage children to interact.



KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.3	Permasalahan Kajian	10
1.4	Kerangka Konseptual	13
1.5	Objektif Kajian	13
1.6	Persoalan Kajian	14
1.7	Hipotesis Kajian	14

1.8	Kepentingan Kajian	15
1.9	Batasan Kajian	15
1.10	Definisi Operasional	16
1.10.1	Interaksi Guru	17
1.10.2	Guru	17
1.10.3	Guru yang Sensitif	18
1.10.4	Responsif Guru	18
1.10.5	Keperluan Kanak-kanak	19
1.11	Rumusan	19

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	20
2.2	Teori-teori dan Model-model yang Berkaitan	21
2.3	Kerangka Teoritikal	21
2.3.1	Teori Ekologi Bronfenbrenner	21
2.3.2	Teori Perkembangan Psikososial Erik Erikson	23
2.3.3	Teori Sosiobudaya (Zon Perkembangan Proximal)	25
2.3.4	Teori Interaksionalisme Geroage Hebert Mead	25
2.3.5	Teori Pertautan Bowlby (<i>Attachment Theory</i>)	28

2.3.6	Pendekatan Johann Pestalozzi	27
2.4	Kajian-kajian Lepas Dalam Negara dan Luar Negara Yang Berkaitan	29
2.4.1	Amalan Interaksi Guru dan Kanak-kanak	29
2.4.2	Perbezaan Tahap Pendidikan Guru dengan Interaksi Guru di TADIKA	32
2.4.3	Inisiatif Guru Untuk Menggalakkan Kanak-kanak Berinteraksi	35
2.5	Rumusan	36

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	37
3.2	Reka Bentuk Kajian	38
3.2.1	Reka Bentuk Kajian Kualitatif	38
3.2.2	Reka Bentuk Kajian Kuantitatif	38
3.2.3	Reka Bentuk Kuantitatif dan Kualitatif	39
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	40
3.3.1	Kaedah Pengumpulan Data Kuantitatif	40
3.3.1.1	Soal Selidik	41
3.3.2	Kaedah Pengumpulan Data Kualitatif	41
3.3.2.1	Temu Bual	41

3.4	Persampelan	43
3.4.1	Sampel Kajian	44
3.4.2	Pemilihan Sampel Data Tinjauan	44
3.4.3	Pemilihan Sampel Data Temu Bual	46
3.5	Instrumen Kajian	48
3.5.1	Instrumen Soal Selidik	49
3.5.2	Instrumen Temu Bual	51
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	52
3.6.1	Kesahan Kandungan	53
3.6.1.1	Kajian Rintis	55
3.6.1.2	Kebolehpercayaan Kajian Tinjauan	57
3.6.1.3	Kebolehpercayaan Kajian Temu Bual	58
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	59
3.7.1	Prosedur Pengumpulan Data Kaedah Tinjauan	60
3.7.2	Prosedur Pengumpulan Data Kaedah Temu Bual	62
3.8	Kaedah Analisis Data	64
3.8.1	Kaedah Analisis Data Kuantitatif	65
3.8.1.1	Analisis Kenormalan	66
3.8.2	Kaedah Analisis Data Kualitatif	67
3.8.3	Penganalisan Data	69

3.9	Rumusan	69
-----	---------	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	70
4.2	Dapatan Persoalan Kajian 1	71
	Apakah amalan interaksi guru dengan kanak-kanak di tadika?	
4.3	Dapatan Persoalan Kajian 2	72
	Apakah peranan dan tanggungjawab guru semasa berinteraksi mengikut tahap pendidikan guru?	
4.4	Dapatan Persoalan Kajian 3	77
	Bagaimanakah bentuk interaksi antara guru dengan kanak-kanak?	
4.4.1	'Eye contact' dalam interaksi antara guru dengan kanak-kanak	77
4.4.2	'Morning Talk'	78
4.4.3	Ekspresi Muka	80
4.4.4	Penggunaan Bahasa Yang Mudah	81
4.4.5	Sentuhan	83
4.4.6	Pujian	84
4.5	Dapatan Persoalan Kajian 4	85
	Sejauh manakah inisiatif yang dilakukan oleh guru untuk menggalakkan kanak-kanak berinteraksi ?	
4.5.1	Aktiviti Berkumpulan	86
4.5.1.1	Permainan Lego	87
4.5.1.2	Aktiviti Kolaj	87
4.5.1.3	Aktiviti Bercerita	88

4.5.1.4 Aktiviti 'Circle Time'	88
4.5.2 Pergerakan Kreatif	90
4.5.2.1 Aktiviti Senamrobik	91
4.5.2.2 Aktiviti Tarian	91
4.6 Perbandingan Hasil Dapatan Temu Bual Peserta Kajian	95
4.7 Rumusan	98

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

5.1 Pendahuluan	99
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	100
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	102
5.3.1 Nilai Kebolehpercayaan Amalan Interaksi Antara Guru dengan Kanak-kanak di Tadika.	102
5.3.2 Perbezaan Tahap Pendidikan Guru dengan Interaksi Guru di TADIKA	102
5.3.3 Bentuk Interaksi Antara Guru dengan Kanak-kanak	104
5.3.4 Inisiatif Guru Dalam Menggalakkan Kanak-kanak Berinteraksi	105
5.4 Implikasi dan Cadangan	106
5.5 Kerangka Dapatan Kajian Data Kualitatif	109
5.6 Rumusan	110

RUJUKAN	111
----------------	------------

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1	Pemilihan Sampel Data Tinjauan 45
1.2	Peserta Kajian Kaedah Tinjauan TADIKa (swasta) 46
1.3	Peserta Kajian Kaedah Temubual 47
1.4	Pencapaian Kesahan Kandungan 55
1.5	Peserta Kajian Rintis Kaedah Tinjauan TADIKa Swasta 57
1.6	Hasil output nilai <i>Cronbach's Alpha</i> 58
1.7	Keputusan Ujian Kenormalan Data Soal Selidik 66
1.8	Penganalisan Data 68
1.9	Nilai Kebolehppercayaan Amalan Interaksi Guru dengan Kanak-kanak 71
1.10	Hasil Analisis Deskriptif daripada Perisian SPSS 73
1.11	Hasil Analisis Ujian <i>Levene</i> 73
1.12	Hasil Dapatan Ujian <i>Welch</i> 74
1.13	Hasil Analisis ANOVA Daripada Perisian SPSS 74
1.14	Perbandingan Hasil Dapatan Temu Bual Peserta Kajian 94



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Elemen Interaksi dalam Perkembangan Awal Kanak-kanak	2
1.2	Kerangka Konseptual	13
1.3	Kerangka Teoritikal	21
1.4	Sampel TADIK (swasta) di Seluruh Negeri Kedah	45
1.5	Instrumen Kajian	49
1.6	Formula Kesahan Kandungan	54
1.7	Prosedur Pengumpulan Data Kaedah Tinjauan	62
1.8	Prosedur Pengumpulan Data Kaedah Temubual	64
1.9	Kerangka Dapatan Kajian Data Kualitatif	109



**SENARAI SINGKATAN**

ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
JJ	Jarang-jarang
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
K	Kerap
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KK	Kadang-kadang
KPM	Kemajuan Pelajaran Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SPSS	Statistical Packages For The Social Science
TADIKA	Taman Didikan Kanak-kanak
TP	Tidak Pernah
ZPD	Zone Of Proximal Development





SENARAI LAMPIRAN

- A Pengesahan Pelajar Untuk Membuat Penyelidikan
- B Borang Soal Selidik
- C Borang Temubual
- D Borang Kesahan Kandungan Pakar
- E Kajian Rintis Data Tinjauan
- F Data Analisis ANOVA
- G Data Analisis Frekuensi
- H Transkrip Temu Bual





BAB 1

PENGENALAN


1.1 Pendahuluan



Kajian ini adalah kajian yang diadaptasi daripada Kajian Kualiti Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Di Malaysia yang dijalankan di Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC) Kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun merupakan peringkat kanak-kanak berada pada tahap perkembangan praoperasi. Dalam tahap perkembangan ini selalunya kanak-kanak akan belajar dengan aktif dan memerlukan pengalaman yang berterusan di samping penglibatan secara langsung dengan orang sekelilingnya dalam usaha membantu proses perkembangan bahasa, kognisi, sosial dan fizikal mereka. Pendidikan secara holistik diperlukan oleh kanak-kanak pada peringkat ini untuk memenuhi keperluan jasmani, emosi, rohani dan intelektual kanak-kanak.



Walaupun menurut Shankof dan Philips (2015) menyatakan bahawa kanak-kanak boleh belajar dengan cara yang terbaik melalui perhubungan yang mesra dan satu suasana di mana kanak-kanak mampu menggunakan kemahiran menyelesaikan masalah. Oleh itu, pendidik atau guru percaya bahawa pengalaman dalam pembelajaran bergantung pada tahap interaksi guru dengan kanak-kanak. Bagi memahami minat dan keperluan kanak-kanak ini, guru perlu memahami kanak-kanak secara individu mahupun secara rambang. Proses memahami perkembangan ini akan lebih mudah untuk mengetahui corak tingkahlaku kanak-kanak yang normal pada sesetengah peringkat umur (Micheal, 2009). Lima elemen interaksi dalam perkembangan awal kanak-kanak adalah seperti di dalam Rajah 1.1



Rajah 1.1. Elemen Interaksi dalam Perkembangan Awal Kanak-kanak

Guru memainkan peranan penting kepada emosi, motivasi, kreativiti dan produktiviti kanak-kanak (Sharma, 2011). Guru merupakan pengaruh fizikal yang paling penting di TADIKA di mana mereka bertindak sebagai agen pemudah cara kepada kanak-kanak dalam membantu merealisasikan misi dengan memberikan



sempurna perhatian serta peka dengan perubahan kanak-kanak ini. Pencapaian pendidikan dan perkembangan profesional guru mempengaruhi tingkah laku guru di dalam kelas. Tingkah laku seperti interaksi guru dengan kanak-kanak dan keadaan emosi guru, boleh mempengaruhi perkembangan sosial kognitif dan perkembangan kreativiti kanak-kanak yang akan menentukan kesediaan kanak-kanak ke sekolah. (Erin,2010).

Terdapat pelbagai salah tanggapan mengenai bagaimanakah kaedah 'mengajar' itu sendiri dijalankan apabila melibatkan dalam pendidikan awal kanak-kanak. Ramai orang beranggapan bahawa bekerja untuk mengawal kanak-kanak ini hanya oleh dilakukan dengan 'semulajadi' menggunakan naluri keibuan atau kebapaan dan ianya sudah semestinya tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan perkembangan keperihatinan dan penjagaan kanak-kanak itu sendiri.



Sesetengah individu juga berpendapat bahawa mengajar kanak-kanak pada pendidikan awal ini merupakan sesuatu perkara yang mudah kerana kandungan pengajaran dan pembelajaran yang terdapat pada pendidikan awal tidaklah serumit kandungan pembelajaran yang terdapat pada pendidikan rendah dan menengah. Walaubagaimanapun, penyelidikan terdahulu membuktikan bahawa guru pada peringkat pendidikan awal perlu mempunyai pendidikan dan pengetahuan yang paling meluas untuk melahirkan kanak-kanak yang berkualiti (Fukkink dan Lont , 2017). Pendidik pada peringkat awal seharusnya mengetahui dan mahir pebagai bidang seperti perkembangan kanak-kanak dari segi fizikal, sosial, emosional dan kognitif.





Selain itu, program pendidikan kanak-kanak dan rancangan kurikulum yang sistematik perlu difahami oleh pendidik pendidikan awal kanak-kanak disamping pengetahuan dari segi kesihatan, keselamatan dan nutrisi kanak-kanak. Pendidik juga perlu untuk bekerjasama dengan ibu bapa, servis sosial kepada keluarga kanak-kanak supaya lebih dekat dengan kanak-kanak disamping mengadakan intervensi kepada kanak-kanak dan keluarga yang mempunyai masalah. Perkara paling penting yang perlu dititikberatkan oleh pendidikan dalam usaha untuk mewujudkan interaksi yang sensitif dan responsif dengan kanak-kanak di TADIKa adalah pengurusan bilik darjah serta bimbingan yang bersesuaian dengan tahap kanak-kanak.

Oleh itu, seseorang guru yang profesional dan kompeten haruslah peka dan mahir dalam semua bidang pedagogi serta mengamalkan interaksi yang responsif dan sensitif kepada keperluan kanak-kanak di TADIKa. Profesionalisme guru adalah kunci kepada peningkatan kualiti proses dan hasilnya. Teori Kognitif Bandura juga menekankan Konstruk Efikasi Kendiri Guru di mana kepercayaan guru kepada satu kebolehan dan keupayaan guru untuk menganjurkan serta melaksanakan sesuatu perkara dan sasaran untuk mencapai objektif pembelajaran. Hal ini memerlukan guru mengatur strategi dan tingkahlaku yang bersesuaian bagi mempengaruhi prestasi kanak-kanak (Bandura, 1997).

Guru juga perlu menunjukkan disiplin dan tingkah laku sebagai seorang profesional. Guru juga harus bertindak di atas landasan etika dan tatasusila kerja (Epstein, 2017). Hal ini kerana, TADIKa bukan sahaja untuk mengoptimumkan perkembangan kanak-kanak, malah untuk menyediakan keperluan, ilmu pengetahuan serta kemahiran yang sesuai kepada kanak-kanak untuk melangkah ke sekolah rendah kelak. Keperluan bagi kanak-kanak yang telah lengkap di peringkat





prasekolah mampu memberi jangkaan kepada kanak-kanak untuk belajar di peringkat seterusnya tanpa sebarang masalah.

Guru merupakan tonggak utama untuk membawa kepada persekitaran pembelajaran sosial yang responsif secara semulajadi. Persekitaran yang responsif secara semulajadi ini membantu kanak-kanak untuk memahami dan lebih menghargai latar belakang dan persekitaran mereka sendiri dan juga latar belakang serta persekitaran orang lain disekelilingnya. Pembelajaran yang responsif di dalam bilik darjah juga membawa kanak-kanak ini kepada proses pembelajaran dengan kekuatan yang mereka miliki untuk memperbaiki prestasi mereka di dalam pembelajaran bersama guru (Mary, 2012).



1.2 Latar Belakang Kajian



TADIKAs yang berkualiti seharusnya perlu mementingkan fokus kepada kepentingan interaksi yang positif antara guru dan kanak-kanak. Bagi menyokong perkembangan positif untuk kanak-kanak ini, pendidikan awal kanak-kanak perlu menetapkan keadaan di mana merangkumi interaksi harian kanak-kanak dengan orang dewasa yang responsif dan merangsang kognitif kanak-kanak secara tidak langsung (Hamre, 2014). Perhubungan atau interaksi yang baik antara guru dan kanak-kanak akan membantu mempengaruhi kanak-kanak untuk lebih bersedia menghadapi persekitaran di TADIKAs dan belajar dengan sempurna (Ridley & McWilliam, 2017).

Guru pendidikan awal kanak-kanak bukan sahaja perlu pakar dalam sebuah bidang pendidikan sahaja tetapi guru prasekolah perlu mahir dan menguasai kesemua bidang yang terkandung di dalam Kurikulum Standard Prasekolah





Kebangsaan (KSPK). Hal ini kerana, guru pendidikan awal kanak-kanak perlu selesa dan tidak janggal untuk mengajar muzik, seni dan pendidikan jasmani yang melibatkan pergerakan fizikal bersama kanak-kanak supaya kanak-kanak berasa seronok dan tidak bosan dalam proses pembelajaran mereka.

Kebanyakan guru pendidikan awal kanak-kanak tahu akan kepentingan perhubungan dan interaksi yang positif dalam perhubungan untuk membina kemahiran serta memenuhi keperluan kanak-kanak untuk bersosial dan belajar.. Bredekamp dan Copple (2009) menyatakan bahawa guru-guru perlu merancang pembelajaran yang efektif dengan mengaplikasikan kurikulum yang komprehensif supaya kanak-kanak akan mencapai objektif yang merentasi domain fizikal, sosial, emosi, kognitif dan juga merentasi kemahiran berbahasa, literasi, matematik, pembelajaran sosial, sains, seni, muzik, dan kemahiran fizikal.



Bagi membantu kanak-kanak berkembang ke tahap yang lebih optima, para guru perlu merancang dan mengimplementasikan persekitaran dan aktiviti-aktiviti untuk merancang perkembangan merentasi domain-domain. Para guru juga perlu membantu dan menggalakkan pembelajaran yang dapat membantu kanak-kanak untuk berjaya melalui aktiviti yang membolehkan kanak-kanak terlibat secara aktif melalui aktiviti yang berpandukan guru atau berpandukan kanak-kanak (Bredekamp & Copple, 2009).

Pengajaran guru juga memerlukan kemahiran untuk mengawal kanak-kanak dalam kumpulan kecil mahupun kumpulan besar dalam usaha untuk menarik perhatian mereka, mengekalkan minat pelajar dalam sesuatu aktiviti dan membuat transisi yang lancar dari satu aktiviti ke aktiviti seterusnya. Seorang guru yang sensitif tahu waktu yang sesuai untuk memulakan langkah untuk berkomunikasi dengan kanak-





kanak secara individu dan juga waktu yang sesuai untuk menghentikan sesuatu yang mungkin tidak mendatangkan manfaat kepada perkembangan kanak-kanak dan guru yang responsif mengubahnya kepada sesuatu yang lebih bermanfaat kepada perkembangan kanak-kanak tersebut (Michael, 2009).

Menurut Burden (2003), seseorang guru perlu berkesan untuk menyedari bahawa pelajar mempunyai tahap yang berbeza dan seseorang guru itu harus berkemampuan untuk meluangkan masa dan usaha pada setiap pelajarinya apabila perlu. Seorang guru yang berkesan juga perlu merancang dan menyediakan bilik darjah dengan baik untuk mereka bentuk satu pengajaran yang berkualiti tinggi. Menurut Stronge (2002), guru yang berkesan bukan sekadar menyokong pembelajaran pelajar melalui teknik pengajaran, bahan-bahan kurikulum dan hubungan baik, malah guru yang berkesan perlu mewujudkan persekitaran yang kondusif dan responsif untuk pengajaran secara keseluruhannya.

Oleh itu, amat penting bagi guru untuk membina sebuah persekitaran yang menyokong komunikasi, keyakinan diri dan pembelajaran interaktif serta responsif. Tambahan pula, interaksi di antara guru dan kanak-kanak juga membuat persekitaran bilik darjah lebih harmoni dan pembelajaran menjadi lebih bermakna dengan interaksi dua hala yang berlaku di antara guru dengan murid. Hasil daripada itu, kanak-kanak dapat membina konsep sendiri dan bermain dengan rasa selamat, yakin, berani, berfikir, berimajinasi, bertanya, merespon, meneroka dan mencuba bagi menyelesaikan masalah dengan baik.

Mengajar kanak-kanak di peringkat awal ini, guru tidak terlepas untuk menggalas pelbagai tanggungjawab istimewa di mana guru bukan sahaja perlu mengajar tetapi juga guru perlu mendengar luahan perasaan kanak-kanak tersebut,





mendengar pendapat mereka dan memberi respon terhadap pendapat serta luahan perasaan mereka. Menurut Eby, Herrell, & Jordan (2006) terdapat beberapa karakteristik yang ditunjukkan oleh seorang guru atau pendidik yang bertindak responsif dalam pengajaran kanak-kanak iaitu seorang guru yang responsif perlu bertindak aktif di mana guru perlu bertindak pantas dan energetik untuk menganalisis informasi yang memberikan kesan lebih positif kepada kualiti bilik darjah. Sebagai contoh, seorang guru berusaha mencari inisiatif untuk membantu kanak-kanak yang normal tetapi tidak mahu bercakap dan tidak berinteraksi dengan rakan-rakan sebayanya mahupun guru. Seorang guru yang reflektif, sensitif serta peka terhadap masalah kanak-kanak akan sedaya upaya dengan segera mencari jalan penyelesaian membantu kanak-kanak itu untuk berinteraksi dengan orang sekelilingnya di dalam bilik darjah.



berterusan di mana seorang guru sebagai contoh akan membantu membimbing kanak-kanak untuk memahami rutin di dalam bilik darjah sehingga kanak-kanak itu dapat melakukannya sendiri dengan penuh sabar dan secara berterusan. Di samping itu, seorang guru yang responsif dan sensitif juga merupakan seorang mengambil berat dan peka tidak kira kepada orang lain, masyarakat sekelilingnya, cuba membina persekitaran yang positif dan memupuk suasana bilik darjah yang harmoni. Sebagai contoh, guru mempraktikkan tingkah laku yang murni di mana kanak-kanak saling mengambil berat dan menghormati antara satu sama lain dengan mengamalkan waktu untuk mengucapkan selamat datang dan selamat pulang kepada guru dan rakan-rakan sebelum dan selepas waktu persekolahan. Akhir sekali, seorang guru yang sensitif dan responsif juga perlu bertindak proaktif di mana mereka akan terlebih dahulu menjangkakan kebarangkalian masalah yang akan timbul jika sesuatu perkara baru akan diperkenalkan.





Guru perlu bijak untuk membina hubungan intim dan mesra dengan kanak-kanak melalui interaksi yang positif dan konstruktif antara kanak-kanak dengan guru dan rakan-rakan. Sebagai contoh, guru boleh bertutur dengan lemah lembut dan menggunakan bahasa yang mudah supaya mudah difahami oleh kanak-kanak dalam mempelajari sopan santun dan tatasusila. Selain itu, guru haruslah sentiasa menggunakan dan menggalakkan kanak-kanak berututur dalam ayat yang lengkap untuk membina kosa kata kanak-kanak serta menjadi pendengar yang baik kepada kanak-kanak apabila mereka bercakap dan melatih mereka untuk mendengar apabila orang lain bercakap di samping memberikan pujian kepada tingkahlaku positif kanak-kanak yang berjaya mendengar arahan guru seperti menunggu giliran, cara duduk dan cara bertutur yang betul.

Guru bukan sahaja perlu memberi pujian kepada apa yang telah dihasilkan oleh kanak-kanak tetapi juga pujian kepada usaha yang ditunjukkan oleh kanak-kanak walaupun mereka tidak berjaya dan guru perlu memberikan kata-kata semangat kepada kanak-kanak untuk terus Berjaya. Tambahan lagi, guru perlu berlapang dada menerima kesilapan kanak-kanak serta memberi tunjuk ajar serta meleraikan konflik dalam kalangan kanak-kanak secara baik. Harus diambil perhatian juga guru perlu melayan semua kanak-kanak sama rata kerana setiap kanak-kanak mempunyai potensi diri mereka untuk berkembang.

Kajian ini dijalankan di TADIK-A-TADIK-A swasta yang berdaftar di Negeri Kedah. Pendidikan swasta adalah pendidikan yang disediakan kepada pelajar oleh institusi pendidikan swasta. Institusi pendidikan swasta adalah institusi bukan bantuan Kerajaan dan ianya dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta. Penubuhan, pengurusan dan pengoperasian institusi pendidikan swasta adalah tertakluk di bawah Akta Pendidikan 1996 dan peraturan-peraturan yang dibuat dibawahnya.





1.3 Permasalahan Kajian

Beberapa pernyataan masalah dapat dikupas dan diutarakan untuk menyokong serta dijadikan sebagai batu loncatan untuk membina persoalan kajian dan seterusnya menjalankan penyelidikan ini.

Hasil kajian Jingbo dan Elicker (2015) menunjukkan bahawa guru memberikan respon yang negatif dalam 80% daripada kejadian yang diperhatikan apabila kanak-kanak melahirkan idea mereka sendiri dan secara tidak langsung guru tidak bertindak secara sensitif dan responsif terhadap keperluan kanak-kanak. Selain itu, kajian Al-Thani (2010) juga menunjukkan guru-guru prasekolah tidak menggabungkan kemahiran pemikiran dengan tidak mengamalkan interaksi yang responsif di dalam pengajaran mereka bersama kanak-kanak.



Menurut Mariani Md. Nor (2010) lagi, dapatan kajian penyelidikan juga mendapati apa yang bakal guru prasekolah belajar di universiti terutama dalam bentuk teori kebanyakannya sukar untuk diaplikasikan dalam dunia sebenar apabila mereka berdepan dengan kanak-kanak sebenarnya. Sedikit sebanyak memberi kesan kepada interaksi antara guru yang responsif dengan kanak-kanak apabila guru itu sendiri tidak pandai untuk mencari ruang untuk menyesuaikan diri mereka dengan keadaan sebenar atau realiti berdepan dengan tingkahlaku dan tidak mempunyai sensitiviti terhadap kanak-kanak di TADIK. Idris (2002), menegaskan bahawa guru bukan sahaja mengawal dan menguasai persekitaran pengajaran dalam kelas tetapi juga guru banyak mengutarakan soalan-soalan tertutup tanpa soal jawab sekaligus tidak mengamalkan interaksi yang responsif dan sensitif di dalam pengajaran mereka bersama kanak-kanak.





Keperluan kanak-kanak bukan sahaja melibatkan dari segi pendidikan dan intelektual sahaja tetapi juga dari segi sahsiah dan akhlak kanak-kanak itu sendiri. Menurut Hazirah (2017) menyatakan golongan kanak-kanak perlu didekati secara individu bagi mengenal pasti kaedah terbaik yang boleh digunakan bagi menyemarakkan perkembangan minda mereka. Oleh itu, interaksi yang responsif dan sensitif daripada guru-guru di prasekolah terhadap kanak-kanak amatlah diperlukan untuk membantu perkembangan minda kanak-kanak ini kerana menurutnya lagi usia enam tahun pertama adalah usia emosi mereka sedang berkembang dan cara terbaik adalah melalui interaksi positif dengan orang disekelilingnya.

Menurut Buyse et al. (2008), sokongan emosional sangat diperlukan oleh kanak-kanak daripada guru melalui suasana atau persekitaran dan iklim bilik darjah yang positif dari segi emosional. Hal ini merangkumi bagaimana seorang guru itu memberi respon yang mesra dan positif serta bagaimana guru mengawal emosi kemarahan, sindiran dan juga ketidakpuasan hati kepada kanak-kanak. Interaksi ini juga melibatkan tahap sensitif seorang guru terhadap interaksi dengan kanak-kanak. Guru yang sensitif akan bertindak untuk mewujudkan suasana pembelajaran bilik darjah yang positif dari segi emosional dan peka terhadap keperluan kanak-kanak dari segi akademik dan sosial. Guru ini juga akan bertindak secara responsif terhadap kedua-dua bidang perkembangan untuk memenuhi keperluan kanak-kanak.

Selain itu menurut Hassan Salleh (2012), menyatakan bahawa lapan peratus daripada 6,667 pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) didapati tidak boleh membaca dan menulis. Hal ini menyedarkan bahawa masalah kegagalan pelajar sekolah menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi masih lagi menghantui dunia pendidikan negara. Dari aspek psikologi perkembangan, manusia normal





berkeupayaan menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira pada peringkat kanak-kanak lagi iaitu seawal usia enam tahun. Masalah ini juga berkaitan dengan kajian daripada Ying Guo & Piasta (2009) yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara interaksi kebolehan guru, kualiti bilik darjah dengan tahap literasi kanak-kanak. Hal ini menunjukkan bahawa interaksi guru memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan perkembangan kanak-kanak.


Setelah menamatkan pengajian di peringkat pra sekolah, semua pelajar sepatutnya boleh membaca dan menulis perkataan-perkataan dan membuat ayat-ayat mudah dengan baik. Menurutny lagi, isu ini perlu mendapat perhatian yang serius kepada guru-guru di sekolah yang telah mendapat latihan secukupnya dalam bidang psikologi pendidikan, pedagogi dan profesionalisme. Sepatutnya masalah seperti ini tidak lagi wujud jika guru mengamalkan sepenuhnya apa yang mereka telah pelajari. Menurutny lagi, guru perlu mengambil serius terhadap fenomena ini dan berusaha mengatasinya sehingga berjaya supaya profesion perguruan akan dihormati, disanjung sebagai arkitek pembangunan akal budi manusia dan pencorak kemajuan rakyat dalam sesebuah negara.

Akhir sekali, kajian daripada Institut Pendidikan Sains di Jabatan Pendidikan Amerika Syarikat mendapati interaksi yang responsif dan interaksi yang memberi rangsangan kepada kanak-kanak di dalam aspek kualiti instruksional prasekolah tidak memberi kesan yang baik kepada kualiti kanak-kanak di prasekolah tidak kira melalui akademik ataupun kemahiran sosial. Dalam masa yang sama, hasil kajian juga menunjukkan guru prasekolah menunjukkan responsif dan sensitif secara sederhana di samping kurang berjaya untuk meningkatkan hubungan baik dengan kanak-kanak dalam mempelajari kemahiran tertentu (Burchinal, Howes et al., 2013)



Secara tuntasnya, berdasarkan pernyataan-pernyataan masalah di atas kajian ini dijalankan untuk mengatasi serta membaikpulihan masalah-masalah yang telah timbul dalam masa yang sama meningkatkan dapatan kajian yang baru mengikut peredaran masa. Permasalahan kajian ini juga sedikit sebanyak dapat memberikan idea dan sebagai titik tolak untuk kajian ini dijalankan.

1.4 Kerangka Konseptual



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual

1.5 Objektif Kajian

1. Untuk mengenalpasti amalan interaksi guru dengan kanak-kanak di TADIKA.
2. Untuk mengenalpasti perbezaan tahap pendidikan guru dengan interaksi guru di TADIKA
3. Untuk meneroka cara guru berinteraksi dengan kanak-kanak.



4. Untuk meneroka inisiatif yang dilakukan oleh guru untuk menggalakkan kanak-kanak berinteraksi.

1.6 Persoalan Kajian

1. Apakah amalan interaksi guru dengan kanak-kanak di TADIKA?
2. Apakah perbezaan tahap pendidikan guru dengan interaksi guru di TADIKA?
3. Bagaimanakah bentuk interaksi antara guru dengan kanak-kanak?
4. Sejauh manakah inisiatif yang dilakukan oleh guru untuk menggalakkan kanak-kanak berinteraksi?



1.7 Hipotesis Kajian

1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pendidikan guru dengan interaksi guru di TADIKA.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan sebagai salah satu inisiatif kecil untuk dijadikan sebagai bahan-bahan rujukan pendidik atau guru-guru TADIKA dalam meningkatkan mutu pengajaran dan etika serta nilai yang perlu ada dalam setiap guru prasekolah. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk menambah baik kajian-kajian lepas seperti yang tercatat dalam kajian literatur. Kajian ini juga diharap dapat memberikan kebaikan





dan kepentingan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dalam meningkatkan mutu serta pendidikan di peringkat prasekolah

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan dalam perjalanan proses kajian ini dijalankan. Antara batasan yang dialami oleh pengkaji ketika menjalankan kajian ini adalah skop peserta kajian yang tidak merangkumi seluruh Negara. Hal ini kerana, kajian ini hanya dijalankan di satu negeri sahaja iaitu Negeri Kedah dan hanya memilih satu agensi untuk TADIKAsedangkan Negara Malaysia mempunyai pelbagai jenis agensi yang melibatkan institusi pendidikan awal kanak-kanak seperti KEMAS, JPNIN, KPM, dan banyak lagi. Namun begitu hanya satu agensi dipilih iaitu TADIKAdan hanya di satu negeri iaitu di negeri Kedah. Selain itu, peserta kajian juga hanya terdiri daripada guru-guru TADIKAswasta dan tidak melibatkan ibu bapa ataupun kanak-kanak TADIKAswasta.

Walaupun bagaimanapun, halangan ini dapat diatasi oleh dengan menyediakan beberapa instrumen kajian untuk menguatkan data kajian seperti soal selidik dan temu bual yang merangkumi reka bentuk kajian kualitatif dan kuantitatif sekaligus membolehkan pengkaji mendapatkan data dengan lebih menyeluruh. Kajian ini juga memerlukan jangka masa yang lama untuk mendapatkan data dan membolehkan data kajian dikutip serta diproses dengan sebaiknya.

Waktu untuk berjumpa dan temu janji untuk bertemu dengan peserta kajian juga perlu diatur dengan baik kerana terdapat keterbatasan waktu di mana peserta yang mempunyai perbezaan waktu bekerja dan waktu persekolahan supaya peserta



dapat memberikan kerjasama yang baik tanpa gangguan dan memudahkan semua pihak sekaligus dapat memberikan data yang berkualiti untuk membolehkan objektif kajian mudah untuk dicapai.

Kerjasama peserta juga mempunyai sedikit kekangan apabila tidak semua peserta memberikan kerjasama yang baik terutama dalam kajian tinjauan ketika menjawab borang soal selidik yang tidak semuanya menjawab secara telus. Selain itu, kajian ini juga melibatkan semua jenis peserta yang melibatkan dari pelbagai taraf dan latar belakang peserta.

1.10 Definisi Operasional

1.10.1 Interaksi Guru

Menurut Henniger (2012), interaksi guru adalah guru perlu menjadi peserta yang aktif dan memainkan peranan sepenuhnya untuk menarik minat kanak-kanak untuk belajar memperkenalkan kepada kanak-kanak dalam menyalurkan informasi serta pengetahuan kepada kanak-kanak dengan menggunakan hubungan antara guru-kanak-kanak dan kanak-kanak bersama kanak-kanak yang lain ketika berinteraksi. Di dalam kajian ini pula, interaksi lebih didefinisikan sebagai suatu tindakan atau perhubungan aktif dan komunikasi di antara guru dengan kanak-kanak di TADIKA.



1.10.2 Guru

Menurut Suppiah (2015), guru merupakan seorang instruktur dan pemudah cara bergantung kepada kemampuan guru memanipulasi kaedah yang digunakan kepada kemampuan guru memanipulasi kaedah yang digunakan supaya sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar dan berkesan. Manakala di dalam kajian ini guru merupakan individu perlu memberikan dan mengamalkan interaksi yang sensitif dan responsif di mana mereka bertanggungjawab dalam memastikan semua keperluan kanak-kanak dipenuhi di TADIKA-TADIKA swasta di negeri Kedah.

1.10.3 Guru Yang Sensitif

Menurut Jana (2018) sensitif boleh didefinisikan sebagai sejauh mana seorang guru itu tahu akan fungsi, tahap kecekapan, tahap pengetahuan, kemahiran dan pengalaman mereka untuk digunapakai bagi memenuhi keperluan tugas tertentu. Di dalam kajian ini sensitif merujuk kepada tahap kepekaan seorang guru memberikan tindak balas, bereaksi, dengan segera serta cakna terhadap perkembangan, perubahan dan tingkah laku kanak-kanak di TADIKA.

1.10.4 Responsif Guru

Carolle dan Sharon (2002) menyatakan responsif merupakan sensitiviti seseorang guru bukan sahaja terhadap interaksi dengan kanak-kanak tetapi juga responsif terhadap tindak balas kanak-kanak secara individu. Respon guru secara individu membolehkan guru mengkaji dan memberikan tindak balas terhadap interaksi bersama kanak-kanak di dalam bilik darjah. Begitu juga di dalam kajian ini di mana responsif merujuk kepada tindak balas guru yang aktif dan responsif dalam interaksi





bersama kanak-kanak seperti guru memberikan tindak balas yang segera kepada sebarang pertanyaan kanak-kanak ataupun tingkah laku kanak-kanak yang memerlukan tindak balas daripada kanak-kanak untuk memenuhi keperluan mereka secara menyeluruh.

1.10.5 Keperluan kanak-kanak

Kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang berumur di bawah umur 18 tahun yang memerlukan jagaan, pemeliharaan, perlindungan dan pemuliharaan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Keperluan kanak-kanak adalah insan yang memerlukan kasih sayang, penjagaan, perlindungan, pendidikan, peluang dan autonomi. Mereka sedang berkembang dan perlu asuhan dan didikan serta bimbingan dengan cara yang betul. Kanak-kanak juga mempunyai potensi tersendiri dan potensi ini perlu dihormati dan dihargai. Sebagai insan yang mempunyai ciri-ciri berlainan dengan orang dewasa, kanak-kanak perlu pertimbangan dan layanan serta didikan yang sempurna dari orang dewasa (Malaysia, Kurikulum PERMATA).

Di dalam kajian ini, keperluan kanak-kanak menurut Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) merangkumi perkembangan potensi kanak-kanak 4-6 tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyuburkan serta aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna supaya dapat meningkatkan kemahiran belajar, keyakinan diri, pembentukan konsep sendiri yang positif bagi membolehkan mereka bersedia untuk menghadapi pembelajaran di peringkat seterusnya (Malaysia, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan)





1.11 Rumusan

Dalam usaha kita melahirkan insan kamil selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, potensi kanak-kanak perlu dibangunkan secara menyeluruh dan seimbang. Sesungguhnya sistem pendidikan yang utuh memerlukan dedikasi dan iltizam guru dalam melaksanakan sebarang perubahan yang membawa kepada kebaikan. Oleh itu, seorang guru yang profesional dan dinamik perlu melakukan perubahan dalam diri untuk berusaha memenuhi keperluan kanak-kanak di peringkat prasekolah sebagai persediaan yang lengkap dari segi fizikal, mental, rohani, jasmani, intelek dan sahsiah bagi mereka menjejakkan kaki ke alam persekolahan yang sebenar.

